



## **INSPIRE 2025 KUKUHKAN JARINGAN SUKARELAWAN GLOBAL DI MALAYSIA**

**BANGI, 12 September 2025** – Malaysia sekali lagi menjadi destinasi pilihan Program Inspire apabila 21 peserta dari Kanada berhimpun bagi menyelami pengalaman kemanusiaan secara langsung menerusi edisi tahun ini.

Program Sukarelawan Antarabangsa anjuran Islamic Relief Canada (IR Canada) dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) itu berlangsung dari 30 Ogos hingga 8 September melibatkan peserta daripada pelbagai latar belakang.

Penganjuran kali keenam di Malaysia sejak diperkenalkan pada 2018 membuktikan keberkesanan program ini sebagai platform pembelajaran praktikal dan perkongsian budaya merentas sempadan di samping mencerminkan kesungguhan peserta dalam menyantuni komuniti setempat serta memperkasa peserta dengan pengalaman bermakna.

Sepanjang berada di Malaysia, para sukarelawan telah menyantuni 60 orang pelajar yang terdiri daripada 30 pelajar Refugee Intellectual Skills and Excellence (RISE) dan 30 pelajar Al-Noor Enrichment School melalui pelbagai aktiviti seperti pembelajaran interaktif, permainan, lawatan sambil belajar ke KidZania dan membeli-belah barang keperluan pelajar.

Selain itu, sukarelawan turut dibawa menziarahi rumah keluarga pelajar untuk menyelami kisah kehidupan mereka di samping memberi sumbangan pek makanan untuk setiap keluarga.

Menurut Siti Noradilah Zainal, Ketua Penyelaras Inspire IR Malaysia yang juga Pegawai Kanan Bahagian Program IR Malaysia, Inspire Malaysia tahun ini membawa kelainan dengan memperkenalkan kelompok masyarakat Orang Asli kepada para peserta.

"Tahun ini, peserta-peserta bukan sahaja diberi peluang untuk mendekati dan menyantuni anak-anak pelarian di negara ini, tetapi mereka juga diperkenalkan dan didedahkan dengan komuniti rentan lain yang ada di Malaysia.

"Mereka dibawa ke Mah Meri Cultural Village, Pulau Carey untuk mengenali dan memahami adat serta budaya Masyarakat Orang Asli.

"Di sini, peserta juga melakukan aktiviti pembungkusan dan agihan 100 pek makanan kepada komuniti Orang Asli di Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Kampung Orang Asli Kepau Laut, Kampung Orang Asli Sungai Judah, Kampung Orang Asli Sungai Rambai dan Kampung Melayu Pulau Carey.

"Walaupun jadual mereka padat, para sukarelawan tetap memberikan komitmen seratus peratus terhadap segala aktiviti.

"Mereka datang ke sini dengan semangat untuk membantu dan dedikasi yang tinggi, terutama ketika meluangkan masa bersama kanak-kanak. Jelas terlihat keikhlasan itu melalui tingkah laku dalam setiap aktiviti yang dijalankan," katanya.

Sementara itu, Dr. Tarek Faid, Pengurus Sukarelawan Antarabangsa, Program Khas IR Canada berkata, "Saya amat bersyukur dengan usaha dan kerjasama Islamic Relief Malaysia bersama pasukan dan sukarelawan sekolah RISE serta Al-Noor Enrichment School. Kanak-kanak di sini benar-benar istimewa dan kami berusaha menggembirakan mereka. Insya-Allah, saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan pada masa hadapan."

Seorang peserta sukarelawan dari Calgary, Kanada, Seerat, pula menyifatkan pengalaman di Malaysia sebagai luar biasa.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana diberi peluang menyertai Program Inspire di Malaysia. Saya dapat merasai sendiri pengalaman menyantuni komuniti pelarian, khususnya anak-anak yatim. Melihat ketabahan mereka walaupun berdepan pelbagai cabaran, benar-benar membuka mata saya terhadap realiti kehidupan mereka.

"Lebih mengharukan, kanak-kanak ini tetap ceria, bermain dan ketawa seperti kanak-kanak lain. Pengalaman ini menjadikan saya lebih menghargai nikmat Allah serta meneguhkan semangat untuk terus berbakti dalam kerja-kerja kemanusiaan pada masa hadapan," kongsinya.

Dengan visi untuk membina sebuah komuniti global yang diperkasa untuk menjadi ejen perubahan yang membawa kesan berkekalan, Inspire terus menjadi platform penting dalam menyemai semangat kesukarelawanan dan pembangunan mampan sejagat.

Tahun ini, selain Malaysia, Inspire turut dianjurkan di Bosnia dan Herzegovina, Turkiye, Kosova, Albania, Makkah dan Madinah, Indonesia, Afrika Selatan serta Maghribi.

**-TAMAT-**

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief

beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan Pembangunan terbesar di dunia.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

### **Mengenai Islamic Relief Canada**

Sejak penubuhannya pada 2005, Islamic Relief Canada telah menjadi sebahagian daripada rangkaian Islamic Relief Worldwide, menyokong komuniti rentan melalui bantuan bencana, pembangunan jangka panjang, serta program kebajikan dan advokasi.

---

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.*

*Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)*